



SEBANYAK 14 bungkus gula-gula jenama Ghost Smoke Cool Fruit Powder dirampas di sebuah kedai runcit di Bukit Tengah, Bukit Mertajam kelmarin.

KPDNHEP Pulau Pinang rampas 14 bungkus gula-gula Ghost Smoke

SEBERANG PERAI – Sebanyak 14 bungkus gula-gula jenama Ghost Smoke Cool Fruit Powder dirampas Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri semasa pemeriksaan di sebuah kedai runcit di Bukit Tengah, Bukit Mertajam dekat sini kelmarin.

Rampasan itu dibuat ketika empat pegawai penguat kuasa KPDNHEP daerah Seberang Perai Tengah menjalankan pemerik-

saan ke atas premis-premis perniagaan di sekitar daerah tersebut kira-kira pukul 10 pagi.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Chin Ching Chung berkata, produk berkenaan disyaki menggunakan perihal dagangan palsu dan meragukan.

“Hasil pemeriksaan mendapati premis menjual barangan runcit itu ada menjual gula-gula Ghost Smoke Cool Fruit Powder.

“Sebanyak 14 bungkus gula-gula tersebut termasuk dokumen

berkaitan seperti invois belian telah disita untuk tujuan siasatan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011.

Menurut Ching Chung, pihaknya setakat ini telah menjalankan 59 pemeriksaan di premis-premis di negeri ini bagi mengesan penjualan produk itu di peringkat pemborong dan peruncit serta penjaja di kawasan sekolah.